

Headline	Hanis Nadiah julang Blue Warriors		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	171 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,313		



CABARAN VIVIAN MAY SOARS

Hanis Nadiah julang Blue Warriors

Kuala Lumpur: Penyerang hoki negara, Hanis Nadiah Onn menyifatkan dia seperti bermimpi selepas jaringan kemenangannya memastikan Blue Warriors bergelar juara edisi sulung Piala Cabaran Vivian May Soars, semalam.

Pada aksi final di Stadium Tun Razak itu, Blue Warriors yang juga pasukan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) menewaskan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) 2-1.

Hanis, 20, yang dinobatkan sebagai penjaring gol terbanyak dengan 13 gol, berkata sebagai penyerang dia berpuas hati apabila mampu mengekalkan rentak jaringannya untuk setiap perlawanan.

Penjaring terbanyak

"Memang saya sangat gembira dengan jaringan ini, malah sasaran saya untuk menjadi penjaring terbanyak musim ini turut menjadi kenyataan," kata Hanis yang akan berangkat ke Perth, Australia bersama skuad kebangsaan, pagi ini.

Dalam pertembungan ketiga membabitkan kedua-dua pasukan pada kempen ini, Aida Fazriniza Zakaria terlebih dulu memecah kebuntuan buat Blue Warriors pada minit ke-19 sebelum tiba giliran Hanis (m-29).

Namun, SSTMI yang segar dengan kejayaan merangkul gelaran Liga Hoki Wanita Malaysia 2016 kembali menghidupkan peluang menerusi pukulan sudut penalti Siti Shahidah Saad (m-49).

Apapun, SSTMI yang diperkuatkan dengan kehadiran tiga pemain negara seharusnya menyalahkan diri sendiri kerana mensia-siakan 15 pukulan sudut penalti yang diperoleh biarpun cuba mengejar lawan terutama di suku ketiga dan keempat.

Pengendali SSTMI, Azlizam Abdul Shukor mengakui kegagalan memanfaatkan lebih sedozen peluang menjadi punca kekalahan skuad mudanya di samping ketiadaan benteng kental, Syafiqah Mohd Zain.

"Itulah final, pasukan yang mengambil peluang berhak menjadi juara. Kami ada banyak peluang tetapi mungkin pemain sedikit gugup kerana ini pentas final," katanya.

Headline	Hanis Nadiah julang Blue Warriors		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	171 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,313		

